



BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
JABATAN PENDAFTAR,
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,
26600 PEKAN,
PAHANG DARUL MAKMUR

Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Jumlah Kekosongan Jawatan - **TETAP / KONTRAK : 1**

Penempatan Jawatan: PUSAT SUKAN DAN KEBUDAYAAN, UMP KAMPUS GAMBANG

PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S41/S44

Tangga Gaji RM2,078.00 (Minimum) - RM9,544.00 (Maksimum)

Kelayakan:

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,078.00); atau
(ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,281.86).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Keutamaan kepada calon:

1. Certificate of Sport Science (Level 1)
2. Certificate of Coaching Sport Specific (Level 1)
3. Bekas atlet Negara / Kebangsaan / Negeri / Universiti (A.U.G / UNIVERSIADE / W.U.G) adalah diberi keutamaan

Klasifikasi Bidang:

-

Kriteria Tambahan:-

Skill :

1. Merancang pelan strategik pembangunan Pusat/Seksyen/Unit Sukan
2. Mentadbir urus perjalanan sesebuah program sukan
3. Pembuat keputusan (*Decision Maker*)
4. Penguasaan kemahiran insaniah yang tinggi
5. Perangkaan periodisasi sukan
Pengetahuan dan berkemahiran dalam sains sukan

- 6.
7. Pengetahuan undang-undang sukan
8. Program atlet berprestasi tinggi
9. Jaringan hubungan dengan Persatuan Sukan Kebangsaan/Negeri/Antarabangsa
10. Pengurusan kursus/seminar/symposium sukan dan rekreasi
11. Analisis sukan (Prestasi, teknikal, taktikal)
12. Pengelolaan acara sukan kebangsaan/antarabangsa
13. Pengurusan Fasiliti (Teknikal padang dan gelanggang)
14. Penyelenggaraan fasiliti sukan
15. Pengurusan kecergasan

Attitude :

1. Kemahiran interpersonal yang baik dalam kalangan staf
2. Mempunyai hubungan interpersonal yang baik dengan persatuan/jabatan/institusi/majlis sukan
3. Kemahiran dalam mengenalpasti kebolehan atlet melalui indikator sains sukan
4. Kemahiran mengurus kebajikan pasukan dengan lebih efisien
5. Merekod dan menyimpan rekod prestasi atlet dari semasa ke semasa
6. Kemahiran composure yang baik dalam melaksanakan tugas

Knowledge :

1. Kemahiran merangka periodisasi latihan secara sistematik
2. Kemahiran mengelola kejohanan sukan peringkat universiti/kebangsaan/antarabangsa
3. Pengurusan teknikal dan kepegawaian mengikut sukan
4. Pengurusan fasiliti sukan
5. Kemahiran penulisan laporan program sukan secara ringkas dan padat
6. Kemahiran penggunaan komputer/software/sistem berkenaan sukan
7. Mempunyai pengalaman dan kemahiran sukan spesifik

Syarat Tambahan :

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMP berasaskan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARAF JAWATAN

Jawatan akan dilantik secara Tetap / Kontrak.

UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi maklumat pemohon di laman web UMP, [E-recruitment UMP](#)

PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18. Sila hantarkan ke alamat berikut :

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

**JABATAN PENDAFTAR
CANSELERI TUN ABDUL RAZAK
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,
26600 PEKAN,
PAHANG DARUL MAKMUR
(U/P : UNIT PELANTIKAN)**

CATATAN AM

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga melalui e-mel yang telah berdaftar dengan UMP.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

PERMOHONAN ATAS TALIAN

TARIKH BUKA : 14/03/2023
TARIKH TUTUP : 28/03/2023